



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOG  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



MELONJAK UTM  
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

## **Prinsip Privasi Rekabentuk dan Susun Atur Rumah Kediaman Mengikut Perspektif Islam: Satu Perbincangan**

Faizan Abdul Jabar<sup>1\*</sup>, Tengku Intan Suzila T.S<sup>2</sup>, Nor Hidayatun Abdul Razak<sup>3</sup>,

<sup>1&3</sup>Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara, Malaysia  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
faizan@pahang.uitm.edu.my, norhidayatun@pahang.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara Pahang Malaysia  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
intansuzila@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Rumah adalah keperluan asas untuk setiap manusia. Di dalam kajian barat seperti Teori Abraham Maslow sendiri meletakkan kediaman adalah perkara asas yang semestinya semua orang patut miliki. Kediaman bukan sahaja dilihat sebagai tempat untuk melindungi diri dan aset, tetapi ia juga berfungsi sebagai zon untuk melakukan aktiviti privasi dengan selesa. Namun begitu, kebanyakan kediaman sekarang lebih kepada konsep moden tetapi tidak memenuhi prinsip yang digariskan oleh agama. Malah dari segi susun atur kediaman kebanyakannya lebih mementingkan dunia berbanding apa yang dituntut dalam ajaran Islam. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan prinsip privasi rekabentuk dan susun atur rumah kediaman mengikut perspektif Islam dimana ia menjamin kepada pembentukan keluarga Muslim. Manakala objektif kedua adalah membincangkan impak rekabentuk kediaman dan susun atur dalaman mengikut perspektif Islam terhadap pembentukan dan pembangunan akhlak Muslim. Diharap kertas kerja ini memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan rekabentuk serta susun atur kediaman dalam pembentukan dan pembangunan akhlak Muslim di masa kini.

**Kata Kunci:** Perspektif Islam, Prinsip Privasi, Rekabentuk, Rumah Kediaman, Susun Atur

### **1. Pengenalan**

Kediaman atau rumah adalah tempat yang paling penting dalam kehidupan manusia. Pembinaan rumah yang mengikut apa yang disyariatkan oleh agama amat penting bagi pembangunan keluarga. Oleh yang sedemikian, kesimbangan dunia dan ukhrawi perlu dititikberatkan dalam pembinaan sesebuah rumah. Ini adalah kerana melalui kediaman, ia mampu mendidik akhlak dan merupakan salah satu faktor yang menyokong serta membantu mencapai kesejahteraan hidup. Ini disokong oleh Shuaib (2012) yang menyatakan dalam suasana hidup yang mencabar ini tempat kediaman harus diberi perhatian supaya ianya mampu membantu memberi kesejahteraan hidup di samping mengekalkan identiti tempatan dengan keadaan rekabentuk dan ruang yang sesuai. Manakala Jamaludin (2001) pula menegaskan kesimbangan hidup diperolehi sekiranya penghuni kediaman dapat meningkatkan kualiti hidup melalui ruangan kediaman yang privasi dan selesa di mana ia mampu memberi impak yang besar dalam kehidupan seperti ruangan dapur, ruang tamu, bilik mandi dan tandas yang selesa dan sesuai. Rekabentuk kediaman dan susun atur juga ada disarankan oleh agama bagi memastikan ia menepati kehidupan privasi sebagai seorang Islam.

### **2. Pernyataan Permasalahan**

Dari segi susun atur kediaman moden kebanyakannya lebih mementingkan dunia iaitu perhiasan mewah dan apa yang tidak digalakkkan oleh Islam. Manakala dari aspek rekabentuk pula kebanyakan kediaman kini lebih ke arah kebaratan seperti ruangan terbuka yang memperlihatkan keseluruhan ruang di dalam rumah tanpa batasan seperti yang disarankan oleh Islam. Contohnya ruang tamu yang bercantum dengan ruang dapur, konsep rumah kaca dan dekorasi dalaman yang bercanggah dengan ajaran Islam. Tidak dinafikan, rumah dan susun atur

perhiasan juga menggambarkan status seseorang. Sesetengah masyarakat hari ini suka untuk menunjuk-nunjuk dan bermegah dengan apa mereka mampu. Allah berfirman;

Maksudnya:

*"Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah **rumah** terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya". Katakanlah (wahai Muhammad):" Maha Suci Tuhanmu! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?"*

(Al-Israa 17:93)

### 3. Objektif dan Kepentingan Perbincangan

Kertas perbincangan ini tertumpu kepada dua isu iaitu:

- Membincangkan prinsip privasi rekabentuk kediaman dan susun atur dalam mengikut perspektif Islam
- Membincangkan impak rekabentuk kediaman dan susun atur dalam mengikut perspektif Islam terhadap pembentukan dan pembangunan akhlak Muslim.

Adalah dituntut untuk membincangkan persoalan apakah kita menggunakan kebijaksanaan dan kesungguhan dalam membina tempat tinggal. Dalam kisah Nabi Soleh menasihati kaum Thamud untuk mengikuti Rasulullah. Allah berfirman:

Maksudnya:

*"Dan kamu memahat sebahagian dari gunung-ganang sebagai **tempat tinggal** - dengan bijak dan bersungguh-sungguh? Oleh itu, takutilah kamu kemurkaan Allah, dan taatlah kepadaku."*

(As-Shu'araa 26:149)

### 4. Kajian Literatur

Sorotan kajian ini mengupas definisi dan konsep yang berkaitan dengan topik kertas ini. Ini melibatkan definisi kediaman, rekabentuk rumah, susun atur , akhlak dan pembangunan Muslim.

#### 4.1 Definisi Kediaman

Kediaman dikaitkan dengan atau didasarkan pada tempat tinggal, (Oxford Fajar, 2000). Menurut kajian Musa, Talib dan Muhamad (2011: 3), kediaman di dalam Islam perlu mempunyai ciri-ciri yang bertepatan dengan ajaran Islam iaitu;

- Tempat untuk membangunkan keluarga, membentuk peribadi Muslim yang sejati ke atas anak- anak dan ahli keluarga.
- Ruang menenangkan hati, jiwa dan merehatkan diri
- Ruang yang terasing dari dunia luar
- Ruang latihan untuk bersosial berlandaskan kehendak adab-adab Islam
- Ruang untuk mendekatkan diri kepada Allah agar mencapai tahap tertinggi keimanan

6. Penggunaan teknologi dan teknik terkini bersesuaian dengan keadaan semasa selagi ia dapat membantu mencapai tahap keselesaan lantas meningkatkan hubungan dengan Allah

#### **4.2 Rekabentuk Rumah**

Sebuah konsep iaitu corak atau bentuk binaan kediaman (Carian Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Ini tidaklah membawa maksud ia perlu berkubah, bersifat rumah Morocco mahupun berornomen kaligrafi atau pun geomatrikal. Namun, perlulah rekabentuk itu menjaga keperluan dalam memenuhi tuntutan dalam agama.

#### **4.3 Susun Atur Dalaman**

Susun atur adalah pilihan gaya, warna, perabut dan sebagainya yang dirancangkan bagi bahagian dalam rumah (Oxford Fajar, 2000). Prinsip susunatur sesebuah kediaman yang disyariatkan dalam Islam memberarkan karya seni yang tidak melalaikan seseorang itu dari melakukan tanggungjawabnya kepada Allah S.W.T. Selain itu juga, ia perlu menitikberatkan unsur-unsur dekorasi dan material yang digunakan. Contohnya perhiasan yang mewah hingga menimbulkan riak, perhiasan yang boleh merosakkan akidah seperti hiasan patung-patung dan perhiasan dari sumber yang tidak halal. Dekorasi dan pembinaan berasaskan niat yang betul pasti mendapat keredhaan Allah S.W.T. Allah berfirman, antara akhlak mazmumah ialah:

Maksudnya:

*“Dan juga pintu-pintu rumah mereka (dari perak juga), dan kerusi-kerusi panjang yang mereka berbaring di atasnya (dari perak juga).”*  
 (Az-Zukhruf 43:34)

#### **4.4 Konsep Akhlak dan Pembangunan Muslim**

Konsep akhlak dan pembangunan Muslim dari sudut perbincangan ini banyak menjurus kepada kepentingan mewujudkan dan mengekalkan konsep privasi di dalam rumah. Ini kerana akhlak yang baik menjurus kepada pembangunan Muslim yang holistik. Ruang privasi pula dapat membendung gejala-gejala mungkar seperti penderaan, gangguan seksual, sumbang mahram dan sebagainya.

##### **4.4.1 Konsep Privasi**

Menurut Burhanuddin (2010) konsep privasi dalam Islam adalah merujuk kepada perlindungan terhadap gangguan pandangan, suara mahupun dalam lain-lain bentuk yang mewajibkan seseorang meminta keizinan untuk melakukan sesuatu di sekitar tempat seseorang berada atau tinggal. Contohnya untuk bertamu di rumah seseorang perlu meminta izin tuan rumah. Seperti di dalam hadis HR Bukhari, Muslim, Abu Musa Al-Asy'ary r.a. berkata: Rasulullah saw. bersabda:

Maksudnya:

*“Minta izin itu sampai tiga kali, maka kalau diizinkan masuklah dan jika tidak, kembalilah.”*  
 (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Isu privasi kediaman rumah adalah penting untuk difahami oleh individu, keluarga mahupun masyarakat. Ini diakui oleh Muhammad Rasdi (2007) menyatakan isu privasi ini

bukan hanya difahami oleh individu dan masyarakat tetapi ianya merupakan agenda dalam kehidupan seharian. Di dalam Islam juga ada menyebut mengenai aspek-aspek privasi kediaman rumah yang disarankan agar dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini seperti keganasan domestik (Musa, 1985). Menurut beliau keganasan domestik melibatkan penderaan, kekerasan atau pengabaian melibatkan ahli keluarga yang mana ia boleh mengancam persekitaran rumah kediaman.

Saranan Islam adalah yang terbaik kerana privasi yang disentuh meliputi banyak aspek dalam kehidupan yang mana ia boleh mendidik dan membentuk akhlak individu segala tidak langsung. Faktor-faktor ruangan amat dititiberatkan seperti ruangan bilik dan tandas disatukan dalam satu ruang tidak digalakkan kerana bilik sering digunakan untuk melakukan ibadat, ruangan yang sesuai bagi membataskan aurat apabila tetamu datang, kedudukan rumah yang mengadap matahari naik amatlah digalakkan, privasi ruang keluarga yang berlainan jantina juga disentuh agar dapat mengelakkan perkara yang ditegah.

## **5. Dapatan dan Perbincangan**

### **5.1 Privasi dalam Rekabentuk Kediaman**

Rumah kediaman kini lebih cenderung ke arah pembinaan moden yang mana ruang kebanyakannya terbuka dan memudahkan pandangan terus ke dalam sesebuah rumah. Konsep pembinaan rumah di Malaysia tidak memberi keutamaan privasi terutamanya wanita muslim dimana pembinaan rumah teres di Malaysia mempunyai ciri rekaan yang sama dimana ruang dapur dan bilik berada di bahagian belakang rumah tidak pernah berubah sejak 20 tahun yang lalu walaupun kebanyakan rekaan kini telah berubah. Secara tidak langsung bukaan tingkap dan bukaan dapur saling berhadapan dengan unit kejiranan di belakang rumah. Ini merupakan konflik privasi terutamanya wanita Muslim yang menjaga aurat apabila zon dibelakang dibiarkan kosong tanpa halangan, (Surat, Baharum, Usman, Musa, & Tawil, 2012). Kenyataan ini jugadisokong oleh Asiah (2008) dimana ruang kediaman Muslim harus memberi privasi kepada penghuninya dari dua perkara iaitu, sudut pandangan dan dari sudut bunyi. Oleh yang demikian, konsep rumah dan ruang juga dititikberatkan oleh Islam di mana terdapat pemisah bagi lelaki dan wanita. Kebanyakan rumah yang dibina sepatutnya mempunyai ruang beranda atau serambi untuk kaum lelaki berhimpun sebaliknya ruang tamu dan dapur adalah untuk para wanita berbual dan menyediakan hidangan, (Yusoff, Osman, Rofie, Khadafi, Abdul Rahman, Mohd Nizho and Azman, 2004).

Oleh itu, pembinaan rumah Muslim haruslah seperti yang disarankan oleh agama Islam. Contohnya, meletakkan ruang pemisah seperti rekabentuk yang tidak telus pandangan aurat, ruang dekorasi dalaman dengan perabot hiasan yang sesuai dan tidak bermegah-megah dengan menonjolkan kemewahan. Dengan itu, wajarlah Islam menegaskan privasi itu penting dan susun atur yang syariatkhan adalah tercantik kerana melalui kediaman dan persekitaran, sekiranya ia berlandaskan ajaran Al Quran dan Hadis ia mampu membentuk akidah dan akhlak Muslim yang mahmudah.

### **5.2 Susun Atur Rumah Kediaman**

Susun atur rumah kediaman boleh mencerminkan sifat serta nilai si pemilik. Pilihan susun atur ruang yang memberi keutamaan kepada ruangan selesa bagi solat iaitu mengadap kiblat adalah penting. Contohnya, perabot di ruang tamu mudah dialih bagi ibadah solat jemaah apabila ada tetamu berkunjung. Ruangan yang mengalakkan tanaman dan berciri air mengalir juga penting (ini tidak bermakna berdekorasikan fitur air) bagi memberi ketenangan dan keselesaan kepada si pemilik. Allah berfirman:

Maksudnya:

*“Dan Kami jadikan (Nabi Isa) ibni Maryam serta ibunya sebagai satu tanda (mukjizat) dan Kami telah menempatkan keduanya di tanah tinggi, **tempat tinggal** yang ada tanaman dan mata air yang mengalir.”*  
 (Al-Mukminun 23:50)

Namun begitu, susun atur yang mencerminkan kemegahan yakni perabot terkini, berjenama dan susun atur yang tidak diimbangi dengan ciri-ciri seseorang Muslim yang baik seperti perabot bercirikan jelmaan benda hidup atau keemasan dan ruang tanpa sempadan privasi patut dielakkan. Keagungan atau obsesi melampau terhadap sesuatu konsep dekorasi rumah juga ditegah. Dekorasi berciri bukan Islam juga tidak digalakkan seperti obsesi terhadap dekorasi kotej inggeris, fengshui dan ying yang. Allah berfirman:

Maksudnya:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah **tempat tinggal** yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan rasulnya dan (daripada) berjihad untuk ugamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusannya (azab seksanya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).”*

(At-Taubah 9:24)

Penegasan dalam susun atur yang ringkas juga dinyatakan dengan jelas. Allah berfirman:

Maksudnya:

*“Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) **tempat tinggal**; dan Ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (**tempat** berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (Ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa.”*

(An-Nahl 16:80)

Larangan menghiasi rumah dengan loncengan angin juga jelas. Dari Abu ‘Umair bin Anas dari bibinya yang termasuk Shahabiyah Anshor:

Maksudnya:

*“Nabi memikirkan bagaimana cara mengumpulkan orang untuk shalat berjamaah. Ada beberapa orang yang memberikan usulan. Yang pertama mengatakan, ‘Kibarkanlah bendera ketika waktu shalat tiba. Jika orang-orang melihat ada bendera yang berkibar maka mereka akan saling memberi tahu kan tibanya waktu shalat’. Namun Nabi tidak menyetujuinya. Orang kedua mengusulkan agar memakai teropet. Nabipun tidak setuju, beliau bersabda, ‘Membunyikan terompets adalah*

*perilaku orang-orang Yahudi.' Orang ketiga mengusulkan agar memakai lonceng. Nabi berkomentar, 'Itu adalah perilaku Nasrani.' Setelah kejadian tersebut, Abdullah bin Zaid bin Abdi Robbihi pulang dalam kondisi memikirkan agar yang dipikirkan Nabi. Dalam tidurnya, beliau diajari cara beradzan."*

(Riwayat Abu Daud)

### 5.3 Pembentukan dan Pembangunan Akhlak Muslim

Ruang rumah di Malaysia telah diwartakan kepada minimum tiga bilik tidur dan dua bilik air. Ini bertujuan mengasingkan ruang tidur ibubapa, anak perempuan juga anak lelaki. Namun adakala ruang bilik atau ruang tamu yang terlalu sempit menjadi cabaran bagi mengharmonikan ruang rumah sebagai ruang yang sesuai bagi menempatkan kesemua ahli keluarga. Jika ruang rumah terhad maka hendaklah kira mengusahakan pembahagian ini dengan menggunakan alat pemisah ruang. Laluan ke tandas juga perlulah bertutup agar aurat tidak terdedah. Rasullullah saw sendiri pernah bersabda:

Maksudnya:

*"Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mengabaikannya ketika berumur sepuluh tahun. Bezakanlah antara mereka (mengikut jantina) di tempat tidur."*

(Riwayat Abu Daud)

Menurut Surat et al. (2012) pembinaan moden rumah di Amerika dan British membina ruangan dapur di bahagian tengah rumah (kitchen island) dan konsep "built in" mengalakkkan susu atur nampak kemas namun ini mengundang kesesakan kepada tetamu mahupun isirumah terutamanya anak-anak. Akibatnya, anak-anak ini lebih cenderung mencari alternatif untuk berada di luar rumah akibat tiada privasi di dalam rumah sendiri dan ini mengakibatkan gejala lepak di kalangan remaja, lari dari rumah atau mencari hiburan di luar rumah, (Jamaludin, 2001; Ahmad & Kasim, 1994 and Herman, 1995).

Selain itu, adalah wajar pemaju diberi saranan dalam pembinaan rumah terutama rekabentuk tingkap yang tidak berkaca telus pandangan dan terbuka, binaan laluan bilik ke bilik yang sesuai dan ketinggian sesuatu rumah kediaman itu tidak melampaui pandangan jiran sebelah.

### 6. Penutup

Kertas perbincangan ini menjurus kepada mencadangkan susun atur dan rekabentuk rumah yang lebih berciri-ciri Islam. Betapa pentingnya seseorang Muslim itu menitikberatkan pembinaan rumah selaras dengan saranan agama Islam seperti adanya ruang pemisah antara lelaki dan perempuan, kedudukan rumah yang tidak begitu tinggi sehingga menampak segala ruang di rumah yang rendah, bilik dan tandas perlu asing and sebagainya. Manakala susun atur pula lebih kepada kesederhanaan tanpa mengagung-agungkan kemewahan yang boleh menimbulkan riak dan bongkak dengan perhiasan yang mewah dan hebat. Allah S.W.T telah menjanjikan tempat tinggal yang lebih mulia di akhirat nanti tanpa perlu kita berlebih-lebihan di dunia sementara ini.

*"Dan sesiapa yang datang kepadanya sedang ia beriman, serta ia telah mengerjakan amal-amal yang soleh, maka mereka itu akan beroleh tempat-tempat tinggal yang tinggi darjatnya."*

(Toha 20:75)

Saranan ini sebenarnya mendidik umat Islam agar redha dan bersyukur dengan nikmat yang diberi olehNya selain menghindari rasa takbur. Ruang dan rekabentuk yang ditegaskan dalam Islam pula penting membentuk akhlak Muslim seperti menjaga perlakuan antara lelaki dan wanita, keutamaan dalam kebersihan dan tempat ibadat serta menghindari segala bentuk amalan mungkar seperti sumbang mahram, keganasan dan penderaan, serangan seksual dan sebagainya. Apabila kita sebagai ibu bapa yang membawa didikan awal dari rumah seperti batasan pergaulan, tingkah laku dan amalan serta apa yang disarankan oleh Islam waima dalam pembinaan rumah dan susun atur sekali pun, ia mampu membentuk dan mendidik anak-anak untuk beradab dan berpaksikan Islam seterusnya membentuk ummah Muslim yang berakhlek.

## 7. Rujukan

- Ahmad, N., & Kassim, M. (1994). Lepak di kalangan pelajar-pelajar di Negeri Perak dan Pulau Pinang.
- Prosiding Kebangsaan Gejala Sosial. (1995). Sekolah Pembangunan Sosial. Universiti Utara Malaysia.
- Burhanuddin. (2010). Konsep teritori dan privasi sebagai landasan perancangan dalam Islam. *Jurnal Ruang*.v.2 no.2,pp. 1–7.
- Carian Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. Accessed as at 27/10/2016 <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=privasi>.
- Herman, I. (1995). Tingkah laku lepak remaja luar bandar: Strategi menangani masalah. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- <http://muslim.or.id/589-larangan-meniru-orang-kafir.html>
- Jamaluddin, Z. (2001). Kepuasan terhadap perumahan dan sistem perumahan berorientasikan Islam. *Jurnal Pembangunan Islam*, 2(June), 141–160. Retrieved from <http://eprints.uum.edu.my/907/>
- Mohamad Rasdi, M.T. (2007). Housing Crisis: Back to A Humanistic Agenda. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Musa, M. S , Talib, A., & Mohamad, M. D. (2011). Prinsip Islam di Dalam Ruang Kediaman Muslim, Konferensi Antarabangsa Islam Borneo IV.Universitas Mulawarman, Kalimantan Timur,Indonesia.
- Musa, Z. M. (1985). Privasi Rumah Kediaman dalam Perundangan Islam sebagai Langkah Pencegahan kepada Keganasan Domestik Privacy of Dwelling Houses in Islamic Law as A Preventive Measure to Domestic Violence, 1, 53–65.
- Oxford Fajar, (2000). Advanced Learner's English Malay Dictionary. Shah Alam Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahim, A. A. (2008). Housing from the Islamic Perspective. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Shuaib, A. A. (2012). Penggunaan unsur nilai estetika tradisional Kelantan dalam senibina kediaman kontemporari. *Bridging Between Old and New*, 1, 1–12. <http://doi.org/Bridging Between Old & New 2012>.
- Surat, M. S., Baharum, M. A., Usman, I. M., Musa, A. R., & Tawil, N. (2012). Mengenalpasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal of Design + Built*, 5(1). Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47>.
- Yusoff, M. N., Osman, M .N. A., Rofie, Khadafi, M., Abdul Rahman, Mohd Nizho & Azman, M. Z. (2004). Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.